

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.11.2017

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini peruntukan RM1 bilion untuk tujuan Bus Rapid Transit (BRT) di Kota Kinabalu. Apakah masalah yang dihadapi dalam menjalankan projek BRT di Kota Kinabalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

Projek Bus Rapid Transit (BRT) di Kota Kinabalu merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengurangkan kesesakan trafik di Kota Kinabalu, Sabah. Selain daripada kos pelaksanaan yang besar, projek ini juga perlu

diperhalusi bagi memastikan syarikat yang dilantik sebagai operator kelak mampu mengendalikan operasi perkhidmatan BRT ini. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, seperti mana projek-projek infrastruktur rakyat seperti MRT, ECRL dan lain-lain, kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) yang teliti harus dilakukan bagi memastikan setiap pelaburan dan peruntukan Kerajaan dilaksanakan dengan penuh berhemah, bertanggungjawab dan memberikan pulangan dan manfaat yang besar kepada rakyat.

Tuan Yang DiPertua dan Ahli Yang Berhormat,

Kajian ini akan mengenalpasti Sistem Transit Bandar (*Urban Transit System*) selain daripada BRT KK yang bersesuaian dilaksanakan untuk rakyat Kota Kinabalu. Selain itu, kajian ini akan mengesyorkan laluan, lokasi stesen, kemudahan-kemudahan berkaitan, spesifikasi teknikal pelaksanaan serta bentuk sistem pengangkutan yang paling sesuai untuk Kota Kinabalu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kajian ini akan mengambil masa lebih kurang empat bulan untuk disiapkan.

Banyak perkara yang harus diperhalusi dan diambil kira sedalam-dalamnya berdasarkan perbincangan bersama pihak SEDIA, UPEN Sabah dan DBKK termasuk mengenal pasti sistem pengangkutan

awam yang terbaik bagi rakyat Kota Kinabalu, Sabah. Sistem pengangkutan awam ini berserta model perniagaan yang akan dilaksanakan perlu diteliti mengambil kira diversiti budaya, sosio ekonomi, sensitiviti masyarakat setempat serta geografi yang berbeza di Kota Kinabalu, Sabah. Setiap faktor harus dipertimbangkan dengan sewajarnya dan semua butiran akan hanya dimuktamadkan selepas kajian kebolehlaksanaan ini dijalankan.